

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan pakej-pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan ketika menghadapi pandemik COVID-19 dan status terkini pakej-pakej rangsangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai langkah memulihkan ekonomi yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac bernilai RM250 bilion, diikuti PRIHATIN PKS Tambahan pada 6 April bernilai RM10 bilion, dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun bernilai RM35 bilion. Keseluruhannya, pakej-pakej rangsangan ekonomi tersebut bernilai RM295 bilion, dengan RM45 bilion daripadanya merupakan suntikan fiskal langsung.

Jumlah ini mewakili lebih kurang 17% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu antara yang tertinggi di Asia Tenggara. Ini menunjukkan tahap keseriusan Kerajaan dalam memastikan rakyat dilindungi dan diperkasa, perniagaan disokong dan dilonjakkan, serta ekonomi diperkukuh dan dirangsang, dalam menghadapi cabaran semasa. Prestasi pelaksanaan beberapa inisiatif utama yang berfokuskan rakyat, perniagaan dan ekonomi setakat 24 Julai 2020 adalah seperti berikut:

- i. Sebanyak RM62.8 bilion nilai moratorium pembayaran balik pinjaman telah dimanfaatkan oleh peminjam individu dan perniagaan;
- ii. Sebanyak RM11.14 bilion Bantuan Prihatin Nasional atau BPN telah dibayar kepada seramai 10.6 juta penerima dikalangan B40 dan M40;
- iii. Sebanyak RM8.01 bilion subsidi di bawah Program Subsidi Upah telah dibayar kepada 319 ribu majikan untuk mengekalkan sebanyak 2.53 juta pekerja;

- iv. Sebanyak RM8.9 bilion pinjaman di bawah Kemudahan Bantuan Khas atau *Special Relief Fund* (SRF) telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh lebih kurang 20 ribu PKS;
- v. Sebanyak RM4 bilion projek-projek kecil bagi kontraktor kelas G1 hingga G4 seluruh negara sedang dalam pelaksanaan;
- vi. Sebanyak RM1.63 bilion telah dibayar kepada 545,000 PKS mikro di bawah inisiatif Geran Khas Prihatin yang merupakan bayaran tunai secara *one-off* bernilai RM3,000; dan
- vii. Sebanyak RM459 juta pinjaman mudah PKS mikro melalui TEKUN dan Bank Simpanan Nasional telah disalurkan kepada seramai 32.2 ribu usahawan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah PRIHATIN dan PENJANA di pantau dengan rapat oleh Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA), Kementerian Kewangan. Unit LAKSANA membuat pelaporan prestasi pelaksanaan secara mingguan kepada Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri selain YB Menteri Kewangan turut membuat Laporan LAKSANA mingguan secara FB live atau siaran media yang boleh dituruti rakyat bagi mendapatkan perkembangan terkini PRIHATIN dan PENJANA.

Sekian, terima kasih.